

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab *nett metering* untuk menggalakkan penjanaan kuasa elektrik melalui tenaga boleh baharu belum dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini Kementerian bersama-sama dengan SEDA Malaysia dan Suruhanjaya Tenaga sedang memuktamadkan rangka perundangan dan kawalselia mekanisme pelaksanaan *net metering* dalam usaha menggalakkan penjanaan kuasa elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu.

2. Terdapat beberapa faktor penting yang perlu diteliti sebelum dasar *net metering* boleh dilaksanakan. Ini termasuklah ketersediaan rangka perundangan dan kawal selia kumpulan/kategori pengguna samada pengguna domestik (*residential*), komersial atau industri dan jumlah kapasiti yang dibenarkan untuk dijana, diguna pakai sendiri oleh pengguna dan yang dieksport ke grid. Selain itu, kadar tarif bagi jumlah kapasiti yang dieksport ke grid juga perlu ditentukan.

3. Kerajaan perlu melaksanakan kajian pelaksanaan *net metering* ini dengan teliti agar pelaksanaannya nanti dapat memberi insentif atau pulangan yang berpatutan kepada pelabur dan yang lebih penting dapat menjamin kestabilan sistem bekalan elektrik Negara.
- *****